

Edar dadah guna jalan laut

APMM Pahang rampas dadah RM61,000, tahanan lapan individu

Oleh NIK AMIRULMU' MIN NIK MIN

KUANTAN

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang berjaya mematahkan kegiatan pengedaran dadah melalui jalan laut susulan penahanan lapan individu dalam operasi di sekitar Tanjung Gemuk, Rompin pada 27 Jun lalu.

Penahanan suspek berusia 25 hingga 46 tahun itu membawa kepada rampasan sejumlah dadah dianggarkan seberat 627.35 gram bernilai lebih RM61,000, wang tunai RM3,950 dan sebuah bot gantian kaca melibatkan nilai rampasan keseluruhan mencecah lebih RM150,000.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Pertama



Amran (dua dari kiri) menunjukkan dadah dan wang tunai yang dirampas daripada sindiket pengedaran dadah pada sidang akhbar di Pejabat APMM Pahang semalam.

Maritim Amran Daud berkata, empat suspek ditahan kira-kira jam 3 petang hari berkenaan ketika menaiki bot tanpa nombor pendaftaran di kawasan pesisiran muara Endau dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, anggota APMM yang sedang membuat rondaan cuba menahan bot terbabit untuk pemeriksaan, namun suspek bertindak melarikan diri sebelum berjaya dipintas dan ditahan.

“Pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan dua bungkusan plastik hitam mengandungi 15 bungkusan plastik kecil berisi dadah disyaki syabu dengan anggaran berat 238.5 gram bersama wang tunai RM3,350.

“Hasil soal siasat ke atas empat suspek itu membawa kepada pengeledahan sebuah rumah di Endau, Mersing dan berjaya menahan empat lagi suspek di rumah tersebut,” katanya



Empat daripada lapan suspek yang ditahan ketika menaiki sebuah bot di pesisir muara Endau pada 27 Jun lalu.

pada sidang akhbar di Pejabat APMM Pahang, Indera Mahkota di sini semalam.

Amran berkata, pemeriksaan ke atas rumah milik salah seorang suspek itu, pihaknya menemui dan merampas dadah jenis syabu dan heroin dengan anggaran berat 388.85 gram dan wang tunai RM600.

“Semua suspek kini ditahan reman selama seminggu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Kita percaya sindiket ini bermula di Johor dan menyelu-

dup masuk ke Pahang menggunakan jalan air membawa masuk bekalan dadah untuk pasaran di sekitar Rompin termasuk kepada nelayan,” katanya.

Menurutnya, beliau percaya kegiatan itu dijalankan sejak beberapa bulan lalu dan mereka kerap masuk ke Tanjung Gemuk empat atau lima hari seminggu untuk menghantar bekalan.

“Tangkapan ini adalah kes pertama kami membabitkan dadah dan dadah terbabit dipercayai dijual kepada 50 hingga 100 orang dan sasaran mereka adalah nelayan,” katanya.